

14 MAR 2001

GADUH: PEMUDA PPP RAYU KERAJAAN BERI PAMPASAN KEPADA MANGSA PERGADUHAN

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Parti Progresif Penduduk (PPP) akan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merayu supaya kerajaan memberi pampasan kepada mangsa pergaduhan di Kampung Medan, Jalan Klang Lama.

"Kami merasakan bantuan kewangan ini sangat penting kerana semua yang cedera di dalam kejadian malang ini terdiri daripada ketua-ketua keluarga yang merupakan pencari nafkah," kata ketua pergerakan itu T. Murugiah.

Beliau berkata mereka harus diberi pampasan sehingga mereka dapat meneruskan kehidupan seperti orang lain.

Pergerakan itu juga menyarankan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya mempertingkatkan program-program melibatkan semua kaum di kawasan sekitar Jalan Klang Lama itu.

Presiden Barisan Progresif India Se-Malaysia Datuk M.G. Pandithan pula mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa kebajikan penduduk ditubuhkan di kawasan perumahan di seluruh negara.

Menurutnya, jawatankuasa itu boleh menjadi platform untuk penduduk setempat membincangkan pelbagai aktiviti yang menggalakkan kerjasama antara kaum serta mengatasi apa jua masalah.

Kejadian di Jalan Klang Lama itu menunjukkan bahawa usaha meningkatkan perpaduan kaum perlu dilakukan secara berterusan, katanya kepada Bernama.

-- BERNAMA

SR AZZ RON